

## **Penerapan Maqasid al-Syariah dalam Pembangunan Model Kepemimpinan Wanita di Malaysia**

**[The Application of Maqasid al-Shariah in the Development of Women's Leadership Model in Malaysia]**

**Atriza Umar<sup>1</sup> & Hamidah Mat<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> (Corresponding Author) Faculty of Social Sciences and Humanities, Open University Malaysia, 47310 Petaling Jaya, Malaysia. E-mail: atriza.umar@gmail.com

<sup>2</sup> Faculty of Social Sciences and Humanities, Open University Malaysia, 47310 Petaling Jaya, Malaysia. E-mail: hamidah\_mat@oum.edu.my

### **ABSTRACT**

*Women's involvement in the highest leadership positions in Malaysia remains low. Various parties have made multiple efforts to enhance women's empowerment through opportunities in national leadership. This study examines the relevance of the theory of Maqasid al-Shariah as a foundation for developing a leadership model for women in Malaysia. Maqasid al-Shariah's theory, which outlines Islamic law's objectives, offers relevant principles to shape an inclusive leadership model. This qualitative study employs in-depth interviews with experts in Syariah and leadership. The hypothesis assumes that implementing an inclusive leadership model aligned with the principles of Maqasid al-Shariah results in greater social well-being and promotes gender equality in national leadership. The findings of this study provide valuable insights for designers of the women's leadership model, policymakers, political leaders, and other stakeholders in their efforts to achieve gender equality and social justice in national leadership.*

**Keywords:** Women's leadership, Maqasid al-Syariah, Leadership model

---

### **ABSTRAK**

Tahap keterlibatan wanita dalam kepimpinan tertinggi negara Malaysia masih berada di tahap yang rendah. Pelbagai usaha dari pelbagai pihak dijalankan demi meningkatkan pemberdayaan wanita menerusi ruang kepimpinan negara. Kajian ini bertujuan mengkaji relevansi teori *Maqasid al-Syariah* sebagai landasan pembangunan Model Kepemimpinan Negara Malaysia bagi Wanita. Teori *Maqasid al-Syariah* yang merumuskan objektif-objektif pensyariatan hukum syarak menawarkan prinsip-prinsip yang relevan untuk membentuk model kepemimpinan yang inklusif. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah temubual tidak berstruktur

bersama pakar-pakar dalam bidang syariah dan kepimpinan. Hipotesis kajian ini mengandaikan bahawa implementasi model kepemimpinan yang inklusif, sejajar dengan prinsip-prinsip *Maqasid al-Syariah*, akan menghasilkan kesejahteraan sosial yang lebih besar dan mempromosikan kesetaraan gender dalam kepemimpinan negara. Kesimpulan dari kajian ini dijangka dapat memberikan pandangan yang berharga designers of the women's leadership model, pembuat dasar, pemimpin politik, dan pihak berkepentingan lain dalam usaha mereka untuk mencapai kesetaraan gender dan keadilan sosial dalam kepemimpinan negara.

**Kata Kunci:** Kepimpinan Wanita, Maqasid al-syariah, Model kepimpinan

#### How to Cite:

Received: 16-9-2024

Revised: 13-11-2024

Accepted: 18-11-2024

Published: 20-11-2024

Umar, A. & Mat, H. (2024). Penerapan Maqasid Al-Syariah Dalam Pembangunan Model Kepemimpinan Wanita di Malaysia. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 151-165.

## 1. Pendahuluan

Sumbangan dan keberadaan wanita dalam politik, pilihan raya dan ruang awam telah menampakkan impak substantif kepada negara dan masyarakat, walaupun penglibatan wanita masih belum mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus. Perihal ini telah dijelaskan Aboo Talib@Khalid & Azmi (2019) dalam buku yang bertajuk “*Penglibatan Wanita dalam Pilihan Raya*”. Dalam konteks ini, teori *Maqasid al-Syariah* dicadangkan sebagai satu landasan yang relevan bagi pembangunan Model Kepemimpinan negara Malaysia khususnya bagi wanita. Teori ini, yang merangkumi objektif-objektif pensyariatan hukum syarak berkaitan penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta menawarkan prinsip-prinsip yang dapat membentuk model kepemimpinan yang inklusif.

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan relevansi teori *Maqasid al-Syariah* dalam konteks pembangunan Model Kepemimpinan Negara Malaysia bagi wanita. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah temubual mendalam dengan dua orang pakar dalam bidang syariah dan sains sosial. Hipotesis kajian ini mengandaikan bahawa implementasi model kepemimpinan yang inklusif, yang sejajar dengan prinsip-prinsip Maqasid al-Syariah, akan menghasilkan kesejahteraan sosial yang lebih besar dan mempromosikan kesetaraan gender dalam kepemimpinan negara.

Masalah kajian ini tertumpu kepada tahap keterlibatan wanita dalam kepimpinan tertinggi negara Malaysia yang masih rendah iaitu belum mencapai sasaran 30% dalam kepimpinan tertinggi negara. Kepimpinan tertinggi negara merujuk kepada jumlah perwakilan dari kalangan wanita

dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara (Umar & Mat, 2023). Walaupun terdapat pelbagai usaha untuk meningkatkan pemberdayaan wanita dalam ruang kepimpinan negara, namun pencapaian masih dianggap belum memuaskan. Oleh itu, terdapat keperluan mencadangkan satu model kepimpinan wanita di peringkat nasional yang didasarkan kepada teori *Maqasid al-Syariah*.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temubual tidak berstruktur dengan pakar-pakar dalam bidang syariah dan sains sosial. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik mendapatkan pemahaman awal tentang pandangan dan pendapat para pakar mengenai relevansi teori *Maqasid al-Syariah* dalam konteks merekabentuk sebuah Model Kepimpinan Negara Malaysia bagi wanita. Kajian ini juga meneroka literasi silam dan kontemporari berkaitan kepimpinan wanita dalam konteks kepimpinan negara. Kajian-kajian lepas turut dirujuk demi memastikan kesinambungan dan penghargaan keilmuan yang wajar.

## 3. Teori Maqasid al-Syariah Menurut Perbahasan Ulama

Para ulama telah mengklasifikasikan *Maqasid al-Syariah* kepada beberapa kategori menurut tahap kepentingannya. *Maqasid al-Daruriyyat* adalah kategori terpenting dalam *Maqasid al-Syariah* yang merangkumi perkara-perkara asas yang sangat diperlukan oleh manusia untuk kelangsungan hidup mereka. Lima komponen utama dalam kategori ini ialah penjagaan terhadap agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta (Abdul Rahman, 2015). Tanpa pemeliharaan elemen-elemen ini, kehidupan manusia akan terganggu secara serius dan rosak, sama ada di dunia atau di akhirat. Para ulama seperti Imam al-Ghazali menekankan bahawa elemen-elemen ini adalah asas kepada syariah kerana ketiadaannya boleh membawa kepada kerosakan dan kemusnahan dalam kehidupan manusia (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Oleh itu, seluruh sistem perundangan Islam berusaha untuk memastikan kelima-lima komponen ini terjaga dalam pelaksanaan hukum-hakamnya.

*Maqasid al-Hajiyat* pula melibatkan perkara-perkara yang diperlukan untuk memberikan kemudahan dan menghilangkan kesukaran dalam kehidupan manusia. Ketiadaan elemen ini tidak akan menyebabkan kehancuran hidup, tetapi ia akan menyebabkan kesusahan yang tidak perlu (Abdullah, 2018). Contohnya, kemudahan dalam urusan jual beli, sewa-

menyewa, atau pinjaman yang dibenarkan dalam Islam adalah contoh yang memudahkan manusia untuk menjalani kehidupan harian. Begitu juga dengan peruntukan rukhsah (keringanan) yang diberikan dalam ibadah seperti dibenarkan solat secara duduk ketika sakit atau jamak dalam permusafiran, semua ini memberikan kelonggaran yang menyokong *al-daruriyyat* (JAKIM, 2021). *Al-Hajiyat* berfungsi sebagai pelengkap kepada asas *al-daruriyyat*, dengan memberikan fleksibiliti dalam pelaksanaan syariah tanpa menjelaskan nilai-nilai terasnya.

*Maqasid al-Tahsiniyyat* pula merujuk kepada keperluan-keperluan manusia yang berada pada tahap melengkapi dan mencantikkan kehidupan manusia. Walaupun ketiadaan perkara-perkara dalam kategori ini tidak membawa kepada kepincangan yang besar seperti ketiadaan *al-daruriyyat* dan *al-hajiyat* (Abdullah, 2018), keberadaannya memberikan kesempurnaan dalam kehidupan. Contohnya, memiliki pakaian yang cantik, rumah yang selesa, dan kenderaan yang mewah adalah sebahagian daripada *al-tahsiniyyat* yang memperindah kehidupan, tanpa menjadi suatu keperluan mutlak. Islam memberikan ruang untuk mencapai keseimbangan dalam hidup dengan membenarkan manusia menikmati kesenangan dunia yang halal, selagi ia tidak melampaui batas dan tetap mematuhi prinsip-prinsip moral dan etika yang ditetapkan oleh syariah (JAKIM, 2021).

### **3.1 Maqasid al-Syariah Dalam Konteks Kepimpinan Negara Malaysia**

Menurut al-Mawardi (2017) dalam *al-Ahkam al-Sultaniyah* menyatakan bahawa matlamat pemerintahan adalah *siyasat al-dunya wa ad-din*, iaitu menguruskan hal-hal dunia untuk mencapai kebaikan di dunia dan akhirat. Pandangan ini selaras dengan gagasan *Maqasid al-Syariah* yang mendefinisikan kebaikan dunia dan akhirat melalui pemeliharaan lima elemen penting: agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Ini menekankan bahawa pentadbiran yang ideal harus menjaga keseimbangan antara kesejahteraan material dan spiritual, dengan menjadikan maqasid sebagai asas dalam membuat keputusan dan melaksanakan dasar. Menurut Abdul Rahman (2015), penjagaan terhadap elemen-elemen ini bukan sahaja membawa kebaikan di dunia, tetapi juga kebahagiaan di akhirat, menunjukkan relevannya konsep ini dalam pemerintahan Islam yang holistik.

Laluddin et al. (2012) menyokong al-Mawardi dengan pandangan bahawa *maqasid al-syariah* bukan sahaja berperanan dalam bidang ibadah atau hukum-hakam agama, tetapi ia juga berkait rapat dengan urusan pentadbiran dan kepimpinan dalam sesebuah negara. Mereka menegaskan bahawa pemimpin bertanggungjawab untuk memastikan bahawa setiap

keputusan dan tindakan yang diambil berdasarkan kepada maslahat (kebaikan) rakyat, yang disimpulkan dalam kaedah fiqh *Tasarruf al-imam 'ala al-ra'iyyah manut bi al-maslahah*. Prinsip ini bermaksud bahawa segala tindakan seorang pemimpin terhadap rakyatnya harus didasarkan kepada apa yang mendatangkan kebaikan atau kemaslahatan kepada rakyat tersebut. Ini membawa kepada kesimpulan bahawa perkara pertama yang perlu dipenuhi bagi memastikan negara dapat ditadbir dengan baik mengikut teori *Maqasid al-Syariah* ialah kewujudan seorang pemimpin yang dapat memahami dan menerapkan prinsip maslahat ini dalam pentadbirannya dengan mengambil kira kepentingan rakyat. Pemimpin dalam konteks ini bukan sahaja berperanan sebagai pentadbir yang cekap dari segi teknikal, tetapi juga sebagai penjaga maslahat rakyat dari sudut agama, sosial, dan ekonomi.

*Maqasid al-Syariah* menyediakan kerangka yang komprehensif untuk memahami matlamat dan prinsip-prinsip perundangan Islam. Dalam konteks kepemimpinan dan pentadbiran, *Maqasid al-Syariah* menawarkan pandangan yang wajar mengenai dimensi etika dan moral kepemimpinan, yang sesuai dengan latar belakang sosio budaya Malaysia.

Beberapa sarjana telah meneroka aplikasi *Maqasid al-Syariah* dalam model pentadbiran dan kepemimpinan kontemporari, dengan menekankan potensinya untuk menangani cabaran-cabaran semasa sambil tetap berakar dalam prinsip-prinsip Islam sebagaimana yang diperincikan dalam *siasah al-syar'iyyah* (Abdullah, 2018).

Di Malaysia, beberapa wanita telah diberi peranan penting dalam kepemimpinan kerajaan dan pentadbiran. Contohnya, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang pernah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia, menunjukkan bahawa wanita mampu menduduki jawatan tertinggi dalam negara. Realiti ini selari dengan pandangan dalam maqasid al-syariah yang tidak menghalang wanita untuk terlibat dalam kepimpinan dan pentadbiran dalam pelbagai peringkat selaras dengan prinsip keadilan dan maslahat yang dituntut oleh Islam. Dalam teori *maqasid*, penjagaan terhadap kesejahteraan rakyat adalah utama, dan tidak ada halangan bagi wanita untuk memimpin sekiranya mereka dapat membawa kebaikan kepada masyarakat (Saidon et al. 2017).

Bagi memastikan kepimpinan negara menepati prinsip-prinsip *Maqasid al-Syariah*, pentadbiran yang berpandukan *siyāsah syar'iyyah* harus memelihara serta melaksanakan maqasid tersebut. *Siyāsah syar'iyyah* merujuk kepada dasar-dasar atau polisi yang diterapkan oleh pemerintah berdasarkan prinsip-prinsip syariah untuk memastikan kemaslahatan rakyat terjamin. Menurut kajian oleh Meerangani et al. (2021), beberapa langkah penting yang dicadangkan untuk merealisasikan pentadbiran berdasarkan *maqasid al-syariah* melibatkan aspek-aspek berikut:

- a. Menepati *Maqasid al-Syariah* dalam Tiga Tahap: Pentadbiran perlu memastikan prinsip-prinsip *maqasid al-syariah* di tahap *al-darūriyyāt* (keperluan asas yang tidak boleh ditinggalkan), *al-hājiyyāt* (keperluan yang mengurangkan kesukaran), dan *al-taḥṣīniyyāt* (penambahbaikan dan kesempurnaan) dijaga. Contohnya, dasar-dasar yang melindungi nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-aql*), dan harta (*hifz al-mal*) adalah sebahagian daripada *al-darūriyyāt*, seperti undang-undang keselamatan dan ekonomi yang menjaga kesejahteraan rakyat.
- b. Maqasid sebagai Rujukan untuk Isu Baharu: Langkah kedua mencadangkan supaya *Maqasid al-Syariah* dijadikan asas dalam menilai persoalan dan masalah baru yang timbul. Dalam konteks moden, ini mungkin melibatkan isu-isu seperti perubahan iklim, teknologi digital, dan krisis kesihatan. Sebagai contoh, semasa pandemik COVID-19, banyak keputusan yang diambil oleh kerajaan Malaysia, seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), adalah berdasarkan prinsip menjaga nyawa (*hifz al-nafs*) yang termaktub dalam *maqasid*.
- c. Menentukan Hukum Baharu Berdasarkan *Maṣāliḥ Mursalah* dan Maqasid: Penggunaan *maṣāliḥ mursalah* (kepentingan umum yang tidak dinyatakan secara spesifik dalam nas) memberi fleksibiliti dalam pentadbiran Islam untuk menetapkan hukum baru berdasarkan keperluan dan maslahat semasa. Sebagai contoh, undang-undang berkaitan keselamatan siber yang semakin penting pada zaman kini boleh dilihat sebagai suatu bentuk hukum yang diasaskan kepada *maṣāliḥ mursalah*, kerana tiada nas khusus mengenainya, tetapi maslahatnya jelas kepada masyarakat.
- d. Merealisasikan *Maqṣad al-Takāful* dan Keadilan: Prinsip *maqṣad al-takāful* bermaksud kepada pedulian sosial antara anggota masyarakat, yang termasuk dalam konsep keadilan sosial dan ekonomi. Di Malaysia, contoh langkah-langkah seperti bantuan sosial untuk golongan berpendapatan rendah (B40) dan insentif keusahawanan bagi wanita dan golongan muda adalah antara usaha untuk merealisasikan keadilan sosial dalam kalangan masyarakat, selari dengan konsep *Maqasid al-Syariah* yang menekankan keadilan dan kesejahteraan bersama.

Justeru, perlunya kejituhan antara *siyāsah syar'iyyah* dan *Maqasid Al-Syariah*. Oleh kerana itu, golongan yang terlibat dengan hal ehwal pemerintahan perlu menjadikan *Maqasid Al-Syariah* sebagai dasar-dasar pentadbirannya.

#### **4. Relevansi Teori Maqasid al-Syariah Sebagai Asas Model Kepimpinan Wanita di Malaysia**

Dalam konteks khusus kepimpinan wanita di Malaysia, adalah menjadi satu keperluan untuk mewujudkan model kepimpinan yang merangkumi nilai-nilai dan etika Islam dalam rangka memberdayakan wanita untuk mengambil peranan kepimpinan negara. Sebagaimana dapatkan kajian Abdul Rahman (2015), kepimpinan dalam Islam tidak terhad kepada lelaki sahaja, malah wanita juga mempunyai peranan penting dalam memastikan kesejahteraan umat, selaras dengan prinsip keadilan dalam *Maqasid al-Syariah*. Selain itu, kajian oleh Nor & Laluddin (2012) menekankan bahawa *maqasid al-syariah* berperanan dalam menjaga maslahat awam dan ini boleh digunakan sebagai asas untuk menyokong penglibatan wanita dalam pentadbiran dan kepimpinan.

##### **4.1 Integrasi Teori Maqasid al-Syariah dalam Kepemimpinan Wanita di Malaysia**

Mengintegrasikan prinsip-prinsip *Maqasid al-Syariah* ke dalam inisiatif latihan dan pembangunan kepimpinan, seperti yang disarankan oleh Meerangani et al. (2021), adalah penting untuk membolehkan wanita menyumbang secara efektif kepada usaha pembangunan negara. Pandangan ini disokong oleh kajian Mubarak et al. (2022) yang menunjukkan bahawa penerapan *maqasid* dalam kepimpinan wanita akan membantu mereka mengenalpasti dan menghadapi cabaran-cabaran kontemporari sambil mengekalkan asas moral dan etika yang kukuh berdasarkan kepada nilai-nilai syarak.

Secara ringkasnya, sorotan literatur menunjukkan kecenderungan yang semakin meningkat dalam mengintegrasikan prinsip-prinsip *Maqasid al-Syariah* ke dalam usaha pembangunan kehidupan manusia secara menyeluruh termasuklah kepimpinan, terutamanya berkaitan dengan kepimpinan wanita di Malaysia. Dengan mendasarkan model kepimpinan dalam etika dan nilai-nilai Islam, pembuat dasar dan pihak berkepentingan dapat menggalakkan amalan kepimpinan yang inklusif dan saksama yang mencerminkan kepelbagaian dan kekayaan warisan Islam di Malaysia. Kajian lanjut diperlukan untuk meneroka implikasi praktikal penggunaan teori *Maqasid al-Syariah* dalam program pembangunan kepimpinan dan dasar yang bertujuan untuk memajukan penyertaan wanita dalam pentadbiran dan proses membuat keputusan.

Tuntasnya, *Maqasid al-Syariah* adalah rangka kerja yang sesuai untuk dijadikan dasar model kepimpinan negara oleh wanita. Ini kerana

*Maqasid al-Syariah* memberi tumpuan kepada prinsip-prinsip kesejahteraan manusia secara keseluruhan, yang meliputi keadilan, kesejahteraan sosial, dan hak-hak individu serta keadilan dan kesaksamaan (*Al-'Adl wal Ihsan*).

Temubual yang dijalankan merupakan satu tinjauan awal untuk mengenalpasti asas-asas kepada rekabentuk sebuah model kepimpinan wanita yang diharapkan dapat membantu melonjakkan peratusan bilangan wanita yang terlibat dengan kepimpinan negara. Model tersebut akan membantu wanita menjadi pemimpin yang lebih bervisi, berprinsip dan terpandu dengan dasar-dasar yang kukuh dan relevan. Menjadikan *Maqasid al-Syariah* sebagai asas dalam model kepimpinan wanita di Malaysia akan dapat memberi gambaran tentang bagaimana wanita dapat memainkan peranan penting dalam pentadbiran yang berlandaskan prinsip *maqasid al-syariah*. *Maqasid al-Daruriyyat* menekankan kepentingan penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Dalam konteks ini, wanita dalam kepimpinan di Malaysia dapat menyumbang kepada perlindungan elemen-elemen ini, seperti dalam sektor kesihatan, pendidikan, dan ekonomi. Contohnya, pelantikan wanita dalam barisan kepimpinan negara pada posisi memainkan peranan penting dalam menjaga keselamatan nyawa (*hifz al-nafs*) dan keturunan (*hifz al-nasl*), serta memberi sumbangan kepada kebijakan yang menyokong keluarga dan masyarakat.

Dari sudut *maqasid al-hajiyah*, wanita dalam kepimpinan boleh membawa kelonggaran dan fleksibiliti dalam perundangan dan dasar yang dapat menghilangkan kesukaran dalam kehidupan masyarakat. Ini termasuk penglibatan wanita dalam merangka undang-undang atau dasar yang memberi kemudahan kepada masyarakat seperti undang-undang berkaitan hak asasi manusia atau akses kepada pendidikan yang lebih baik. Contohnya, beberapa inisiatif di Malaysia seperti Akta Anti Gangguan Seksual dan pelaksanaan dasar-dasar fleksibiliti bekerja yang lebih inklusif adalah antara usaha untuk memudahkan kehidupan golongan wanita dan pekerja dalam sektor awam dan swasta.

Maka *maqasid al-tahsinyyah* dalam kepimpinan wanita memberi peluang untuk menambah kualiti kehidupan dalam masyarakat. Wanita yang memegang jawatan kepimpinan di Malaysia dapat mempromosikan dasar-dasar yang meningkatkan kualiti hidup, seperti akses kepada kemudahan awam yang lebih baik, promosi kesihatan mental, atau keseimbangan kerja-hidup.

#### **4.2 Justifikasi Penerapan Teori Maqasid al-Syariah Dalam Kepemimpinan Wanita di Malaysia**

Sharifah Haayati (2024), berpandangan bahawa tadbir urus negara sedia ada kebanyakannya menepati prinsip maqasid al-syariah.

*“Jika kita lihat tadbir urus di negara kita telah banyak berdasarkan maqasid Syariah. Jadi jika tadbir urus negara ini, kita lihat daripada sudut maqasidnya, makanya, Maqasid itu boleh digunakan dalam apa juar spektrum kehidupan termasuklah ‘women and leadership’ ini. Sebab leadership itu perlu berlandaskan maqasid tersebut. Maqasid ini sebagaimana kita tahu, asasnya adalah maslahah. Tiada maslahah tiada maqasid dan tumpuannya kepada 3 perkara iaitu:*

- a) *Jalbul masalih* (جلب المصالح) – bawa kebaikan
- b) *Dar ul mafasid* (درء المفاسد) – hindar keburukan
- c) *Izalatul Darar* (ازالة الضرر) – membuang kemudharatan”.

Pandangan beliau menjelaskan bagaimana *maqasid al-syariah* berperanan dalam tadbir urus negara, khususnya dalam konteks kepimpinan wanita, dengan menekankan tiga elemen utama dalam mencapai maslahat: *jalbul maslahah* (membawa kebaikan), *dar' ul mafasid* (menghindari keburukan), dan *izalatul dharar* (menghapuskan kemudharatan). Analisis ini mencerminkan konsep asas dalam *maqasid*, iaitu setiap tindakan kepimpinan dan dasar harus berpandukan kepada maslahat atau kebaikan masyarakat. Dalam konteks kepimpinan wanita, ini bermakna bahawa wanita yang memegang jawatan kepimpinan perlu memastikan tindakan dan keputusan mereka berdasarkan kepada kebaikan umum serta menghindari perkara yang boleh membawa keburukan kepada rakyat.

Sebagai contoh, dasar-dasar yang berkaitan dengan hak wanita, seperti peningkatan akses kepada pendidikan dan peluang pekerjaan, ia adalah sebahagian daripada usaha *jalbul maslahah*—membawa kebaikan kepada golongan wanita dan masyarakat. Pada masa yang sama, kebijakan yang menghindarkan penindasan atau diskriminasi gender selaras dengan konsep *dar' ul mafasid*, manakala usaha-usaha untuk menghapuskan kemudharatan kepada golongan yang lemah atau terpinggir, seperti melalui undang-undang yang melindungi daripada gangguan seksual, merupakan contoh *izalatul mudharah*.

Konsep *maqasid al-syariah* ini, dengan fokus kepada maslahat, memberikan ruang yang luas untuk kepimpinan wanita berperanan aktif dalam menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan, selaras dengan keperluan semasa dan perkembangan sosial di Malaysia. Ini

menunjukkan bahawa kepimpinan wanita bukan hanya sesuai dengan nilai-nilai Islam, tetapi juga menjadi satu keperluan dalam mencapai kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

Oleh itu, bidang kepimpinan dan tatakelola negara mestilah berpaksikan kepada pencapaian maslahah. Maka, ia bertepatan sekali dengan gagasan teori maqasid al-syariah yang mempromosikan maslahah dan mengelakkan kemudaratan dari manusia sejagat (Malik & Mat, 2023).

Dalam konteks ini, *maqasid al-syariah* berfungsi sebagai panduan moral dan etika untuk memastikan bahawa setiap keputusan yang diambil oleh pemimpin negara mempromosikan kebaikan umum (maslahah) dan menghindari segala bentuk kemudaratan (mafsadah) yang boleh menjelaskan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

Sebuah model kepimpinan yang didasarkan kepada teori yang substantif seperti *Maqasid al-Syariah* diharapkan dapat menyediakan rangka kerja yang kukuh kepada wanita untuk aktif berperanan sebagai pemimpin. Selain daripada itu, model tersebut yang akan dibangunkan pada masa akan datang mampu menyediakan sokongan pada sudut lanskap kefahaman pihak berkuasa yang akan menerbitkan polisi dan dasar yang menyokong peningkatan penglibatan wanita dalam kepimpinan. Secara tidak langsung model ini juga akan dapat mempengaruhi masyarakat umum untuk lebih menyedari akan kepentingan wanita untuk terlibat secara langsung sebagai pemimpin di persada negara.

Merujuk kepada kepentingan mewujudkan sebuah model yang berteraskan Maqasid al-Syariah, Rosfazila (2024) berpendangan:

*“Model kepimpinan Wanita Tertinggi Negara perlu diwujudkan berdasarkan model-model yang sudah sedia ada dalam persejarahan, sirah nabawiyah, peradaban Islam terutamanya telah ada model-model kepimpinan wanita yang boleh diteladani. Namun demikian, jika ada usaha untuk mewujudkan model kepimpinan wanita di peringkat tertinggi negara, contohnya dalam konteks Malaysia, adalah sangat-sangat perlu dan digalakkan supaya kita ada model, idola, yang boleh dijadikan panduan. Untuk memastikan gaya kepimpinan dan ‘end result’ aktiviti atau proses kepimpinan yang wanita tunjukkan itu bermanfaat kepada dirinya, dan persekitaran komunitinya. Dalam konteks kepimpinan tertinggi negara sangat menunjukkan keseimbangan antara gender lelaki dan perempuan, ada kelebihan masing-masing dalam arena kepimpinan. Ada perkara-perkara yang kita memerlukan kepimpinan lelaki dan begitu juga sebaliknya ada yang memerlukan kepimpinan wanita, agar seimbang kerana kedua-dua gender ini adalah ahli masyarakat. Begitu juga dalam aspek kepimpinan tertinggi, perlu ada sentuhan kepimpinan wanita, supaya*

*kita ada situasi yang seimbang dari segi kebahagiaan, kejayaan dan sebagainya”.*

Pandangan beliau mengusulkan agar model kepimpinan wanita tertinggi negara dibentuk berdasarkan contoh-contoh yang telah ada dalam sejarah Islam dan peradaban. Terdapat model-model kepimpinan wanita dalam sejarah Islam yang boleh dijadikan teladan, seperti Sayyidatina Aisyah RA dan Khadijah RA, yang memainkan peranan penting dalam kehidupan Nabi Muhammad SAW dan perkembangan Islam. Sayyidatina Aisyah RA, misalnya, bukan sahaja seorang isteri Nabi, tetapi juga seorang sarjana yang dihormati kerana keilmuannya, dan sering dijadikan rujukan dalam urusan keagamaan serta pentadbiran. Ini membuktikan bahawa Islam tidak pernah mengecualikan wanita daripada menyumbang kepada masyarakat dalam pelbagai kapasiti, termasuk kepimpinan (Zaman et al., 2019).

Di Malaysia, idea untuk membentuk model kepimpinan wanita di peringkat tertinggi negara adalah sangat relevan dan penting untuk menyeimbangkan peranan antara lelaki dan wanita dalam arena pentadbiran. Dalam sesetengah konteks, seperti kebijakan sosial dan pembangunan keluarga, sentuhan kepimpinan wanita lebih sesuai kerana wanita sering kali membawa perspektif yang berbeza, terutamanya dalam isu-isu berkaitan kesejahteraan sosial dan keadilan gender.

Penting untuk diingat bahawa model kepimpinan yang seimbang antara lelaki dan wanita akan membawa kepada pengurusan negara yang lebih inklusif dan dinamik. Wanita dan lelaki mempunyai kekuatan masing-masing dalam kepimpinan, dan keseimbangan ini diperlukan untuk memastikan kebahagiaan dan kejayaan masyarakat secara keseluruhan. Keseimbangan gender dalam kepimpinan tertinggi juga akan mewujudkan ekosistem kepimpinan yang lebih holistik dan membawa manfaat kepada komuniti, kerana ia mencerminkan keadilan dan kesamarataan yang ditekankan dalam *maqasid al-syariah*.

Justeru, pandangan beliau selari dengan literasi yang telah disorot dan menguatkan lagi kenyataan oleh Syarifah Hayati (2024).

Maqasid al-Syariah juga menggariskan kepentingan pemeliharaan akal, yang mencakupi pendidikan dan perkembangan intelektual. Wanita, sebagai pemimpin, boleh memanfaatkan pendidikan dan pemikiran kritis untuk membuat keputusan yang bijaksana dan berwawasan bagi negara. Pendidikan yang inklusif dan akses kepada pengetahuan adalah asas kepada kepimpinan yang efektif, dan ini selaras dengan objektif maqasid al-Syariah. Sehubungan itu, Rosfazila (2024), mengatakan *wanita secara*

*fitrahnya, adalah dilahirkan sebagai pemimpin, paling tidak kepada dirinya sendiri, keluarga, individu-individu yang terdekat dengannya, masyarakat juga negara. Dalam konteks kepimpinan tertinggi negara, wanita layak, berkeupayaan untuk memegang tampuk kepimpinan tertinggi negara kerana keupayaan yang Allah berikan sebenarnya sama, rentas gender. Cuma haruslah berlandaskan kepada etika-etika kepimpinan berdasarkan syarak.*

Prinsip maqasid al-Syariah juga menekankan pentingnya menggalakkan kebaikan dan mencegah keburukan dalam masyarakat. Wanita dalam kepimpinan boleh memainkan peranan penting dalam mempromosikan nilai-nilai positif, seperti integriti, ketelusan, dan tanggungjawab sosial. Mereka juga boleh bekerja untuk menghapuskan korupsi, diskriminasi, dan ketidakadilan. Sharifah Haayati (2024), menyatakan kepimpinan wanita di peringkat tertinggi negara, adalah seharusnya difikirkan kewujudannya bersesuaian dengan waqie (keadaan) semasa kerana dalam Islam hukum wanita dan kepimpinan ini adalah aspek ijtihadi.

Menjadikan *maqasid al-syariah* sebagai asas kepada pembentukan model kepimpinan wanita akan merealisasikan kemaslahatan kepada umat Islam dalam pelbagai aspek kehidupan. Dalam konteks kepimpinan wanita, konsep ini relevan kerana kerangka maqasid al-syariah tidak menghalang wanita untuk terlibat dalam pelbagai peranan sosial, termasuk dalam bidang pekerjaan dan kepimpinan, asalkan ia selari dengan panduan syariah. Syariah tidak melarang wanita daripada bekerja, tetapi menekankan keutamaan mereka sebagai isteri dan ibu yang perlu diutamakan sebelum tanggungjawab ekonomi atau profesional.

Kepimpinan wanita dalam Islam harus diimbangi dengan peranan utama mereka dalam keluarga, seperti yang dinyatakan oleh al-Buti (t,t), bahawa setiap maslahah perlu mengikuti syariat, bukan sebaliknya. Ini bermakna, walaupun wanita diberi kebebasan untuk bekerja dan berperanan dalam masyarakat, mereka tidak boleh mengabaikan tanggungjawab yang lebih besar dalam kehidupan peribadi dan keluarga. Kepimpinan yang dijalankan oleh wanita, sama ada dalam konteks sosial, ekonomi, atau politik, perlu berpandukan kepada prinsip *maqasid al-syariah* yang memberi keutamaan kepada kesejahteraan rohani, keluarga, dan masyarakat secara keseluruhan.

Dalam usaha mewujudkan model kepimpinan wanita di Malaysia yang berlandaskan *maqasid al-syariah*, penting untuk memastikan bahawa kebebasan yang diberikan kepada wanita dalam dunia pekerjaan dan kepimpinan tidak melanggar batasan syariah yang telah digariskan. Teks ini menegaskan bahawa Islam memberi kebebasan yang bersyarat kepada

wanita, di mana kebebasan ini mesti selari dengan tuntutan syariah dan keutamaan dalam kehidupan mereka sebagai isteri, ibu, dan anggota masyarakat. Dengan cara ini, kepimpinan wanita dapat memainkan peranan penting dalam membina masyarakat yang berlandaskan nilai-nilai Islam tanpa mengabaikan tanggungjawab keluarga (Harun et al., 2018).

#### **4.3 Cabaran Pembangunan Model Kepimpinan Wanita Berteraskan *Maqasid al-Syariah***

Antara cabaran dalam membentuk model kepimpinan wanita berdasarkan *maqasid al-syariah* menekankan kekurangan pemahaman masyarakat terhadap konsep yang lebih terperinci dalam Islam, khususnya *maqasid al-syariah* dalam konteks kepemimpinan. Kekurangan pemahaman ini boleh menjadi penghalang utama dalam penerapan prinsip-prinsip Islam dalam kehidupan harian, termasuk dalam usaha memperkasakan wanita dalam kepimpinan. Oleh itu, cabaran terbesar ialah bagaimana memastikan masyarakat umum, yang mungkin tidak terlibat secara mendalam dalam perbincangan agama, dapat memahami dan menghayati prinsip-prinsip ini dengan lebih baik (Dzulraidi et al., 2023).

Untuk mengatasi kekurangan pemahaman masyarakat tentang *maqasid al-syariah* dalam konteks kepimpinan wanita, langkah pertama yang boleh diambil adalah melalui program pendidikan dan kesedaran komuniti. Bengkel, seminar, dan kursus latihan berfokus kepada *maqasid al-syariah* dan kepemimpinan wanita boleh dianjurkan di masjid, institusi pendidikan, serta NGO Islam. Program-program ini dapat menyampaikan prinsip-prinsip Islam yang lebih mudah difahami oleh masyarakat umum, seterusnya membantu mereka menghayati bagaimana konsep ini diaplikasikan dalam kehidupan harian.

Langkah kedua ialah mengintegrasikan prinsip *maqasid al-syariah* dalam sistem pendidikan formal. Subjek-subjek berkaitan pendidikan agama dan kewarganegaraan di peringkat sekolah dan universiti boleh diperluas untuk merangkumi pengajaran mengenai *maqasid al-syariah* serta kepimpinan wanita. Dengan memperkenalkan konsep-konsep ini dari peringkat awal pendidikan, ia dapat membentuk pemahaman generasi muda tentang peranan wanita dalam kepimpinan berlandaskan nilai-nilai Islam.

Akhirnya, ulama dan pemimpin agama memainkan peranan penting dalam mempromosikan mesej yang jelas mengenai kepimpinan wanita dalam Islam. Khutbah Jumaat, ceramah agama, dan forum keagamaan boleh digunakan sebagai platform untuk memberi penerangan bahawa Islam membenarkan wanita berperanan sebagai pemimpin, selagi ia memenuhi syarat-syarat syariah dan berasaskan prinsip *maqasid al-syariah* seperti keadilan dan kemaslahatan umum.

Sebagai langkah awal untuk pembangunan model tersebut, pakar kepimpinan dan sarjana Islam berperanan besar untuk memastikan model kepimpinan wanita yang dibangunkan selari dengan prinsip *maqasid al-syariah*. Mereka bertanggungjawab untuk memastikan model tersebut tidak melanggar syariah dan menekankan kemaslahatan (*jalbul maslahah*) serta menghindari kemudarat (*dar' ul mafasid*). Dengan memberikan rujukan kepada contoh-contoh kepimpinan wanita dalam sejarah Islam, seperti peranan Sayyidatina Aisyah RA, ulama dapat menunjukkan bahawa kepimpinan wanita telah diakui dalam Islam dan boleh dijadikan teladan untuk kepimpinan kontemporari.

Pemegang taruh dalam pembuatan dasar juga memainkan peranan penting dengan melaksanakan dasar-dasar yang menyokong kepimpinan wanita dalam bidang politik, ekonomi, dan sosial. Mereka boleh merangka program latihan kepimpinan wanita yang berdasarkan *maqasid al-syariah*, bagi memastikan kepimpinan yang dijalankan selari dengan prinsip Islam. Ini termasuk memperkenalkan kelonggaran dalam peraturan pekerjaan untuk membolehkan wanita menyeimbangkan peranan mereka dalam rumah tangga dan sektor awam, serta mewujudkan persekitaran kerja yang menyokong kesamarataan gender.

## 5. Kesimpulan

Maqasid al-Syariah menyediakan asas yang kukuh dan komprehensif untuk model kepimpinan negara oleh wanita, kerana ia menekankan prinsip-prinsip keadilan, kesejahteraan, dan hak asasi manusia yang penting untuk pembangunan sebuah masyarakat yang adil dan sejahtera. Dengan mengintegrasikan prinsip-prinsip maqasid al-Syariah dalam kepimpinan, wanita boleh membawa perspektif yang unik dan berharga dalam usaha membangun negara yang lebih inklusif dan progresif. Justeru, teori Maqasid al-Syariah dalam konteks pembangunan Model Kepemimpinan Negara Malaysia bagi wanita adalah relevan untuk diwujudkan agar kelangsungan kepimpinan wanita dan keberjayaannya mencapai kehendak syarak dan tentunya membawa manfaat kepada semua. Hal ini bukan sahaja memberikan maslahah dalam konteks pemerintahan tertinggi menurut arena politik tetapi mencapai keseimbangan yang holistik lagi menyeluruh bagi sebuah masyarakat dan negara.

## Rujukan

- Abdul Rahman, M. Z. (2015). Aplikasi Maqasid al-Syari'ah Dalam pentadbiran Negara: Satu Tinjauan sejarah Islam. *Jurnal Fiqh*, 12(1), 29–56.

- Abdullah, A. B. (2018). *Maqasid al-Shariah antara nas dan maslahah*. Kuala Lumpur: Iham Books.
- Aboo Talib@Khalid, K. & Azmi, Z. (2019). *Penglibatan Wanita dalam Pilihan Raya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Buti, M. S. R. (t.t). al-Mar'ah Baina Tughyan al-Nizam al-Gharbi wa Lataif al-Tashri' al-Rabbani. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Mawardi. (2017). *Al Ahkam As Sultaniyyah* [The Ordinances of Government]. Repro Knowledgcast Limited.
- Dzulraidi, D. H., Ithnin, N. K. M., & Suliaman, I. (2023). Maqāṣid Al-Sunnah Dalam Kerangka Maqāṣid Al-Shari‘ah: Analisis Konseptual: Maqāṣid Al-Sunnah Within the Framework of Maqāṣid Al-Shari‘ah: A Conceptual Analysis. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 4(2), 127-136.
- Harun, M. S., Abdullah, L. H., & Rosele, M. I. (2018). Nilai Universal dan Hubungannya dalam Syariat Menurut Perspektif Maqasid Al-Shari‘ah: The Universal Value And Its Relation With Syariah In Maqasid Al-Shari‘ah Perspective. *Journal of Fatwa Management and Research*, 128-138.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2021). Tiga Kategori Maslahat. Laman Sesawang: <https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/tiga-kategori-maslahah-kebaikan>
- Laluddin, H., Nor, A. H. M., El-Seoudi, A. W. M. M., Alias, M. N., & Mohamad, A. B. B. (2012). The relationship between islamic human rights and the maqasidic approach. *The Social Sciences*, 7(1), 111-116.
- Malik, M. & Mat, H. (2023). *Siasah Madani*. Kawandanet Sdn Bhd. Cyberjaya.
- Meerangani, K. A., Harun, M. S., & Badhrulhisham, A. (2021). Kepimpinan Non Muslim di Malaysia Menurut Perspektif Maqāṣid Al-Shari‘ah: Non-Muslim Leadership in Malaysia from Maqāṣid al-Shari‘ah Perspectives. *Jurnal Fiqh*, 18(2), 287-314.
- Mubarak, D., Othman, N., Abd-Majid, M., Nadzri, S., & Malaysia, U. K. (2022). Maqasid-Syariah And Well-Being: A Systematic. In *Proceedings of the 1st International Conference on Islamic Economics* (pp. 978-629).
- Nor, A. H. M., & Laluddin, H. (2012). Application of the principles of maqasid shari‘ah in administration of the Islamic countries. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(6), 847-851.
- Saidon, N. R., Daud, S., & Samsudin, M. (2017). Faktor kepimpinan dan gender dalam penglibatan politik wanita di Malaysia (1980-2013). *Akademika*, 87(3), 61-73.
- Umar, A. & Mat, H. (2023). *Persepsi mahasiswa pengajian Islam Open University Malaysia (OUM) terhadap keterlibatan wanita sebagai pemimpin tertinggi negara*. Retrieved from [http://conference.kuis.edu.my/pasak/images/pasak8/eprosiding2023/104-PERSEPSI\\_MAHASISWA\\_PENGAJIAN\\_394-402.pdf](http://conference.kuis.edu.my/pasak/images/pasak8/eprosiding2023/104-PERSEPSI_MAHASISWA_PENGAJIAN_394-402.pdf)
- Zaman, R. K., Nasir, K., & Mamat, S. (2019). Wanita Sebagai Pengimbang Kestabilan Psikologi Kekeluargaan: Penelitian Terhadap Qudwah Tokoh Wanita Dalam Islam. *Persidangan Muslimah Antarabangsa Kelantan 2019*, 133-156.

### **Responden Temubual**

1. Profesor Dr Sharifah Hayaati Syed Ismail  
Jabatan Siasah Shar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
2. Dr. Rosfazila Abd Rahman  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan , Universiti Islam Selangor.

